

Ekonomi Malaysia Dalam Tahun 1997 dan Prospek Bagi Tahun 1998

Ekonomi Malaysia Dalam Tahun 1997

Tinjauan Keseluruhan

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar Malaysia dijangka sederhana sedikit, iaitu pada kadar 8%, dalam tahun 1997 (1996: 8.6%). Kesederhanaan dalam pertumbuhan pengeluaran ini sebahagian besarnya berpunca daripada jangkaan tahap kegiatan ekonomi yang lebih perlahan dalam separuh kedua tahun ini. Ini adalah disebabkan oleh kegiatan permulaan pembinaan yang lebih perlahan serta pertumbuhan pengeluaran yang sederhana dalam barangan perkilangan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan pembekalan bahan-bahan untuk sektor pembinaan. Pengeluaran barangan pengguna juga dijangka berkembang dengan lebih perlahan, khususnya barangan tahan lama, disebabkan keyakinan pengguna dijangka terjejas oleh kejatuhan harga saham. Permintaan dalam negeri, tidak termasuk perubahan dalam stok, juga dijangka akan berkembang pada tahap yang lebih sederhana, kesan pertumbuhan pendapatan eksport yang lebih perlahan, dasar fiskal berhemat, dasar kewangan yang ketat, usaha-usaha menggalak dan memobilisasi tabungan serta penangguhan perbelanjaan ekoran penyusutan nilai ringgit dan kejatuhan harga saham. Tahap pertumbuhan permintaan dalam negeri yang sederhana serta pertumbuhan pengeluaran yang lebih perlahan, tetapi masih kukuh, telah mengekalkan inflasi pada paras yang rendah walaupun ringgit telah susut. Kedudukan ini, bersama-sama dengan kejatuhan dalam harga-harga barangan perkilangan, telah menyebabkan **Keluaran Negara Kasar (KNK) nominal** bertambah pada kadar yang lebih perlahan, iaitu sebanyak 10.2% (1996: 14.3%) kepada RM262.2 bilion. Oleh itu, **pendapatan per kapita** penduduk

negara dalam harga semasa dianggarkan meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 7.7% kepada RM12,102 berbanding sebanyak RM11,239 dalam tahun 1996 (11.7%). Berdasarkan kepada penyusutan ringgit, khususnya terhadap dolar Amerika Syarikat dalam tempoh suku ketiga tahun ini, **pendapatan per kapita nominal dari segi pariti kuasa beli** dianggarkan merosot sebanyak 15.4% kepada AS\$10,663, selepas mencatatkan peningkatan sebanyak 11.6% pada tahun 1996, jika kadar pertukaran RM3.1975 = AS\$1 pada 30 September digunakan sebagai asas pengiraan.

Akaun semasa imbalan pembayaran dianggarkan mencatat defisit yang kecil sedikit dari segi peratusan KNK, iaitu 5%, pada tahun 1997 (1996: 5.2% daripada KNK), didorong oleh penambahan dalam akaun perkhidmatan imbalan pembayaran. Sebagaimana pada tahun 1996, imbalan asas dijangka berada dalam kedudukan lebihan, mencerminkan tahap aliran masuk modal jangka panjang yang terus tinggi. Defisit akaun semasa ini dijangka dibiayai secukupnya oleh aliran masuk bersih pelaburan langsung asing korporat jangka panjang. Selaras dengan ketegasan terhadap dasar fiskal yang berdisiplin, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mencatatkan lebihan keseluruhan yang lebih besar dalam tahun 1997. Ini merupakan tahun kelima berturut-turut Kerajaan Persekutuan telah berjaya mencapai lebihan belanjawan keseluruhan.

Walaupun asas-asas ekonomi Malaysia terus kukuh, namun begitu, sebagai sebuah negara berekonomi terbuka, ianya tidak berupaya untuk melindungi diri daripada kesan penularan perkembangan di Thailand yang telah mencetuskan ketidaktentuan dalam pasaran kewangan serantau sejak pertengahan bulan Mei. Pada bulan September 1997, nilai ringgit telah jatuh kepada paras catatan yang rendah berbanding dengan

dolar AS manakala indeks papan utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) turut mencatat paras harian yang terendah pada 675.15 mata, iaitu paras terendah sejak 20 April 1993. Untuk memperteguhkan lagi asas-asas ekonomi negara, Kerajaan telah mengumumkan mengenai penangguhan pelaksanaan beberapa projek besar, pemotongan ke atas perbelanjaan Kerajaan serta mengkaji semula pembelian barangan luar negeri yang besar oleh agensi-agensi Kerajaan untuk memantapkan lagi kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran serta untuk mencapai lebihan belanjawan keseluruhan yang lebih besar pada tahun 1998.

Prestasi Mengikut Sektor

Prestasi kebanyakan sektor ekonomi masih kukuh dengan sektor-sektor perkilangan, pembinaan dan beberapa sektor kecil dalam sektor perkhidmatan terus mencatatkan pertumbuhan pengeluaran pada kadar dua angka. Dalam sektor utama, pengeluaran pertanian bertambah pada kadar yang agak kukuh sementara pertumbuhan pengeluaran dalam sektor perlombongan berkurangan. Nilai ditambah dalam **sektor perkilangan** dijangka meningkat sebanyak 12% dalam nilai sebenar (1996: 12.2%), berpunca daripada peningkatan dalam pengeluaran industri berorientasikan pasaran eksport dan pertambahan dalam pengeluaran industri berorientasikan pasaran dalam negeri yang masih kukuh, walaupun perlahan sedikit. Industri berorientasikan pasaran eksport dijangka pulih dari segi pertumbuhan pengeluaran, daripada 8.3% pada tahun 1996 kepada 10.6% dalam tahun 1997, sebahagian besarnya didorong oleh pengeluaran semikonduktor yang lebih tinggi dan pemulihan pengeluaran tekstil yang sederhana. Walau bagaimanapun, pengeluaran keluaran elektrik pengguna seperti televisyen dan radio berkurangan kerana menghadapi persaingan global sementara pengeluaran keluaran kayu dan getah dijangka mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan disebabkan oleh kekurangan bekalan bahan mentah tempatan. Pengeluaran industri berorientasikan pasaran dalam negeri dijangka bertambah pada kadar yang lebih perlahan, walaupun masih kukuh, sebanyak 13.7% dalam tahun 1997 (1996: 17%), akibat daripada peningkatan pengeluaran yang lebih perlahan dalam keluaran-keluaran yang berkaitan dengan industri pembinaan seperti keluaran galian bukan logam dan kaca, dan keluaran logam asas serta

kelengkapan pengangkutan. Sungguhpun demikian, pengeluaran yang semakin meningkat kukuh dijangkakan bagi keluaran-keluaran plastik, kimia dan keluaran kimia, makanan dan tembakau manakala pengeluaran industri kertas dan keluaran kertas pulih hasil daripada permintaan dalam negeri dan luar negeri yang mantap. Memandangkan pengeluaran sektor perkilangan terus meningkat melebihi kadar purata pertumbuhan ekonomi negara, maka sumbangannya kepada KDNK sebenar meningkat kepada 35.5% dalam tahun 1997 (1996: 34.2%), iaitu separuh daripada jangkaan pertumbuhan KDNK benar bagi tahun 1997.

Dalam **sektor pembinaan**, kadar nilai ditambahnya dijangka menurun kepada 11% (1996:14.2%). Langkah menghadkan pemberian pinjaman ke atas sektor hartanah dan kesederhanaan dalam permintaan terhadap hartanah, ketika wujudnya peningkatan penawaran dalam ruang pejabat, kondominium berharga tinggi dan ruangan runcit di kompleks-kompleks membeli-belah, dijangka menyebabkan kerja-kerja permulaan pembinaan yang baru dalam beberapa sektor kecil pembinaan kurang menggalakkan. Namum begitu, projek-projek yang dalam pelaksanaan, meliputi kerja-kerja kejuruteraan awam berkaitan dengan projek-projek infrastruktur seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Putrajaya dan Cyberjaya, kerja-kerja pembangunan hartanah kediaman bertingkat rendah yang masih mempunyai permintaan yang baik serta kerja-kerja permulaan pembinaan yang kukuh dalam kawasan-kawasan perindustrian, terus mendorong sektor pembinaan untuk mencatatkan pertumbuhan pada kadar dua angka. Justeru itu, sumbangan sektor berkenaan kepada KDNK dijangka meningkat kepada 4.8% (1996: 4.7%).

Bagi **sektor pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan**, pertumbuhan pengeluarannya dijangka meningkat sebanyak 3.5% (1996: 2.2%). Pertumbuhan yang lebih tinggi ini sebahagian besarnya berpunca daripada peningkatan yang pesat dalam pengeluaran minyak kelapa sawit (7.3%), pemulihan semula dalam pengeluaran kayu balak (3.4%) hasil daripada kerja-kerja pembersihan di kawasan projek loji tenaga Hidroelektrik Bakun serta peningkatan yang stabil dalam pengeluaran ternakan (4.6%). Pengeluaran getah, bagaimanapun, dijangka merosot sebanyak 6.7% dan begitu juga dengan biji koko sebanyak

6.0% kesan daripada penukaran guna tanah dan kekurangan buruh. Memandangkan kepada catatan pertumbuhan pengeluaran yang agak rendah dalam sektor pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan, maka sumbangannya kepada KDNK dijangka berkurang lagi kepada 12.2% (1996: 12.7%).

Pertumbuhan pengeluaran dalam **sektor perlombongan** pula dianggar perlahan kepada 2.8% (1996: 4.5%), sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah dan gas yang lebih kecil. Pengeluaran minyak mentah dianggar meningkat sebanyak 0.5% kepada jumlah purata 720,700 tong sehari (tsh) dalam tahun 1997 (1996: 717,200 tsh), selepas mengambilkira keputusan untuk meningkatkan pengeluaran sebanyak 20,000 tsh dalam tempoh empat bulan terakhir tahun ini untuk memenuhi permintaan yang lebih tinggi pada musim sejuk serta untuk memantapkan lagi eksport. Pengeluaran gas terus berkembang kukuh pada kadar 14.3% untuk memenuhi permintaan luar negeri yang kian meningkat, meskipun kadar pertumbuhan pengeluarannya lebih perlahan berbanding dengan catatan 21.4% dalam tahun 1996. Mengenai perlombongan timah dan tembaga, pengeluarannya terus merosot akibat daripada kos pengeluaran yang tinggi dan pengurangan dalam rizab logam berkenaan. Selaras dengan aktiviti pembinaan yang berkembang pada tahap yang kurang pesat, pengeluaran industri kuari turut dijangka mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan. Oleh itu, sumbangan sektor perlombongan kepada KDNK dijangka terus berkurang kepada 6.8% pada tahun 1997 (1996: 7.2%).

Nilai ditambah **sektor perkhidmatan** dijangka terus bertumbuh dengan kukuh meskipun tahapnya lebih perlahan iaitu 8.7% (1996: 9.7%). Kadar pertumbuhan ini mencerminkan kesan kesederhanaan dalam permintaan tempatan untuk perkhidmatan yang diperlukan oleh kegiatan sektor-sektor ekonomi utama dan pengembangan kapasiti pengeluaran dalam beberapa industri perkhidmatan. Industri-industri perkhidmatan yang dijangka akan menjanakan pertumbuhan nilai ditambah benar yang lebih kukuh ialah industri-industri di dalam sektor kecil pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan, yang sebahagian besarnya berpunca daripada pengembangan kapasiti dalam industri-industri perkhidmatan penerbangan, perkapalan dan keretapi. Sebaliknya,

industri-industri perkhidmatan seperti sektor kecil kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan, sektor kecil perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran dijangka mencatatkan pertumbuhan pengeluaran yang lebih perlahan. Ini mencerminkan langkah-langkah Kerajaan untuk menghadkan pinjaman bank kepada sektor-sektor ekonomi yang kurang produktif dan menggalakkan tabungan serta kesan kejatuhan dalam harga saham. Dengan pertumbuhan nilai ditambah dalam sektor perkhidmatan dijangka melebihi daripada kadar purata pertumbuhan ekonomi negara, maka sumbangan sektor ini kepada jumlah KDNK dianggar meningkat lagi kepada 45% (1996: 44.8%).

Permintaan Dalam Negeri

Permintaan agregat dalam negeri (tidak termasuk perubahan dalam stok) dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan, iaitu sebanyak 9% mengikut harga semasa dalam tahun 1997 (1996: 9.9%), oleh kerana pertumbuhan yang sederhana dalam perbelanjaan swasta. Pertumbuhan **perbelanjaan swasta** dijangka berkurang kepada 8.4% (1996: 12.1%), berpunca daripada pertumbuhan perbelanjaan penggunaan dan pelaburan swasta yang lebih perlahan. **Penggunaan swasta** yang dijangka berkembang lebih perlahan sebanyak 6.9% (1996: 9.7%) adalah disebabkan oleh kesan kejatuhan kekayaan dari segi nilai kertas akibat kemerosotan harga-harga saham dalam suku ketiga tahun ini, pertumbuhan pendapatan eksport yang lebih perlahan dalam separuh pertama tahun 1997, serta langkah-langkah yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk menggalakkan tabungan. Di samping itu, pertumbuhan **pelaburan sektor swasta** dijangka kekal pada kadar 10.6% dalam tahun 1997 (1996: 15.8%) terutamanya disebabkan oleh pengurangan pelaburan dalam sektor pembinaan dan pertanian. Walau bagaimanapun, pembentukan modal sektor swasta terus kukuh didorong oleh peningkatan pelaburan yang kukuh dalam sektor-sektor petroleum dan gas dan pengangkutan serta pertambahan pelaburan yang mantap dalam sektor perkilangan. Pelaburan dalam kedua-dua kegiatan hulu dan hiliran di dalam sektor petroleum dan gas, dijalankan oleh tiga buah syarikat swasta yang besar, meningkat pada kadar anggaran 75% kepada RM1.2 bilion. Dengan mengambil kira Petronas, jumlah pelaburan dianggar meningkat sebanyak 70% kepada RM11 bilion dalam tahun 1997. Pelaburan dalam sektor pengangkutan,

khususnya kemudahan-kemudahan kereta api, kapal terbang dan perkapalan, dijangka berkembang sebanyak 6.9% kepada RM6.2 bilion. Pelaburan dalam sektor perkilangan juga dianggap kukuh selaras dengan peningkatan yang kukuh dalam tingkat pelaburan yang diluluskan dalam tempoh 1994-1996, berjumlah RM78 bilion. Import barangan modal yang telah meningkat sebanyak 21.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1997 (Januari-Julai 1996: 7.7%) mencerminkan pembentukan modal yang kukuh ini.

Pertumbuhan **perbelanjaan sektor awam** dijangka meningkat pada kadar 11.1% (1996: 3.3%). **Penggunaan awam** dijangka meningkat sebanyak 9.6% (1996: 3.4%), disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih besar, terutamanya untuk perkhidmatan-perkhidmatan penting seperti pendidikan dan kesihatan serta perbekalan dan perkhidmatan yang diperlukan untuk melicinkan perjalanan jentera Kerajaan. **Pelaburan awam** dianggap meningkat pada kadar lebih kukuh, iaitu sebanyak 12.7% (1996: 3.2%). Peningkatan pelaburan ini disumbangkan oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK), khususnya Kuala Lumpur International Airport Berhad, Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad dan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia.

Permintaan Luar Negeri

Pertumbuhan **eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor** mengikut harga semasa dijangka berkurangan kepada kadar 7.1% dalam tahun 1997 (1996: 10.1%), sebahagian besarnya diakibatkan oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam pendapatan eksport barangan perkilangan dan kejatuhan dalam pendapatan eksport minyak mentah. Pendapatan **eksport dagangan** dijangka meningkat pada kadar yang lebih rendah sebanyak 6.0% kepada RM204.7 bilion (1996: 7.6%), sebahagian besarnya berpunca daripada pertumbuhan pendapatan eksport **barangan perkilangan** yang lebih perlahan kesan daripada anggaran kejatuhan 7% dalam harga eksport. Barangan perkilangan yang mencatatkan pengurangan pendapatan eksport dalam tempoh tujuh bulan pertama 1997 ialah keluaran barangan elektrik seperti peralatan penerimaan radio dan televisyen dan perakam audio-visual (-11.9%). Namun begitu, eksport keluaran barangan elektronik seperti semikonduktor, peralatan dan

mesin pemproses data automatik telah meningkat sebanyak 10.9% tetapi masih rendah berbanding dengan peningkatan 29.4% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Sebaliknya, pertumbuhan pendapatan eksport keluaran kimia dan plastik meningkat pesat sebanyak 13.8% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1997 (Januari-Julai 1996: 8.4%) selaras dengan kemantapan permintaan luar dan pengembangan kapasiti pengeluaran dalam negeri. Pendapatan eksport daripada **komoditi utama** dijangka pulih pada kadar 6.5% dalam tahun 1997 (1996: -0.6%), terutamanya berpunca daripada pendapatan eksport yang lebih tinggi daripada minyak kelapa sawit dan gas. Sebaliknya, pendapatan eksport getah, kayu balak, kayu gergaji, timah dan minyak mentah dijangka lebih rendah. Namun demikian, **pendapatan eksport daripada perkhidmatan bukan faktor** dijangka meningkat sebanyak 13.2% hasil daripada terimaan yang lebih tinggi bagi eksport perkhidmatan yang berkait dengan perkhidmatan-perkhidmatan fret dan insurans, pengangkutan lain, perjalanan, serta perkhidmatan profesional dan kontrak. Peningkatan pendapatan eksport yang kukuh daripada perkhidmatan ini mencerminkan pulangan positif daripada pelaburan pada tahun-tahun lepas untuk memajukan industri perkhidmatan pengeksportan. Hasilnya, **pendapatan eksport daripada barangan dan perkhidmatan bukan faktor** dianggap berkembang daripada RM229.8 bilion pada tahun 1996 kepada RM246.3 bilion dalam tahun 1997.

Import barangan dan perkhidmatan bukan faktor dianggap meningkat sebanyak 7.1% kepada RM243.5 bilion dalam tahun 1997 (1996: 4.5%) dengan **import dagangan** meningkat sebanyak 6.6% dan **import perkhidmatan bukan faktor** sebanyak 9.3%. Jangkaan peningkatan import dagangan kepada RM195 bilion (1996: RM183 bilion), sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan 19.8% dalam import barangan modal (1996: -5.7%) akibat daripada kenaikan 6.9% atau RM 6.2 bilion (1996: RM5.8 bilion) dalam import barangan besar seperti kapal terbang, kapal dan kapal tangki gas asli cecair. Import barangan besar ini adalah untuk meningkatkan pendapatan eksport perkhidmatan yang berkait dengan pengangkutan fret dan udara dan untuk menggantikan perkhidmatan diimport yang berkaitan serta untuk memudahkan pengeksportan gas. Import barangan perantara yang merangkumi sebanyak 63.7% daripada

khususnya kemudahan-kemudahan kereta api, kapal terbang dan perkapalan, dijangka berkembang sebanyak 6.9% kepada RM6.2 bilion. Pelaburan dalam sektor perkilangan juga dianggap kukuh selaras dengan peningkatan yang kukuh dalam tingkat pelaburan yang diluluskan dalam tempoh 1994-1996, berjumlah RM78 bilion. Import barangan modal yang telah meningkat sebanyak 21.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1997 (Januari-Julai 1996: 7.7%) mencerminkan pembentukan modal yang kukuh ini.

Pertumbuhan **perbelanjaan sektor awam** dijangka meningkat pada kadar 11.1% (1996: 3.3%). **Penggunaan awam** dijangka meningkat sebanyak 9.6% (1996: 3.4%), disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih besar, terutamanya untuk perkhidmatan-perkhidmatan penting seperti pendidikan dan kesihatan serta perbekalan dan perkhidmatan yang diperlukan untuk melicinkan perjalanan jentera Kerajaan. **Pelaburan awam** dianggap meningkat pada kadar lebih kukuh, iaitu sebanyak 12.7% (1996: 3.2%). Peningkatan pelaburan ini disumbangkan oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK), khususnya Kuala Lumpur International Airport Berhad, Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad dan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia.


Permintaan Luar Negeri

Pertumbuhan **eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor** mengikut harga semasa dijangka berkurangan kepada kadar 7.1% dalam tahun 1997 (1996: 10.1%), sebahagian besarnya diakibatkan oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam pendapatan eksport barangan perkilangan dan kejatuhan dalam pendapatan eksport minyak mentah. Pendapatan **eksport dagangan** dijangka meningkat pada kadar yang lebih rendah sebanyak 6.0% kepada RM204.7 bilion (1996: 7.6%), sebahagian besarnya berpunca daripada pertumbuhan pendapatan eksport **barangan perkilangan** yang lebih perlahan kesan daripada anggaran kejatuhan 7% dalam harga eksport. Barangan perkilangan yang mencatatkan pengurangan pendapatan eksport dalam tempoh tujuh bulan pertama 1997 ialah keluaran barangan elektrik seperti peralatan penerimaan radio dan televisyen dan perakam audio-visual (-11.9%). Namun begitu, eksport keluaran barangan elektronik seperti semikonduktor, peralatan dan

mesin pemproses data automatik telah meningkat sebanyak 10.9% tetapi masih rendah berbanding dengan peningkatan 29.4% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Sebaliknya, pertumbuhan pendapatan eksport keluaran kimia dan plastik meningkat pesat sebanyak 13.8% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1997 (Januari-Julai 1996: 8.4%) selaras dengan kemantapan permintaan luar dan pengembangan kapasiti pengeluaran dalam negeri. Pendapatan eksport daripada **komoditi utama** dijangka pulih pada kadar 6.5% dalam tahun 1997 (1996: -0.6%), terutamanya berpunca daripada pendapatan eksport yang lebih tinggi daripada minyak kelapa sawit dan gas. Sebaliknya, pendapatan eksport getah, kayu balak, kayu gergaji, timah dan minyak mentah dijangka lebih rendah. Namun demikian, **pendapatan eksport daripada perkhidmatan bukan faktor** dijangka meningkat sebanyak 13.2% hasil daripada terimaan yang lebih tinggi bagi eksport perkhidmatan yang berkaitan dengan perkhidmatan-perkhidmatan fret dan insurans, pengangkutan lain, perjalanan, serta perkhidmatan profesional dan kontrak. Peningkatan pendapatan eksport yang kukuh daripada perkhidmatan ini mencerminkan pulangan positif daripada pelaburan pada tahun-tahun lepas untuk memajukan industri perkhidmatan pengeksportan. Hasilnya, **pendapatan eksport daripada barangan dan perkhidmatan bukan faktor** dianggap berkembang daripada RM229.8 bilion pada tahun 1996 kepada RM246.3 bilion dalam tahun 1997.

Import barangan dan perkhidmatan bukan faktor dianggap meningkat sebanyak 7.1% kepada RM243.5 bilion dalam tahun 1997 (1996: 4.5%) dengan **import dagangan** meningkat sebanyak 6.6% dan **import perkhidmatan bukan faktor** sebanyak 9.3%. Jangkaan peningkatan import dagangan kepada RM195 bilion (1996: RM183 bilion), sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan 19.8% dalam import barangan modal (1996: -5.7%) akibat daripada kenaikan 6.9% atau RM 6.2 bilion (1996: RM5.8 bilion) dalam import barangan besar seperti kapal terbang, kapal dan kapal tangki gas asli cecair. Import barangan besar ini adalah untuk meningkatkan pendapatan eksport perkhidmatan yang berkaitan dengan pengangkutan fret dan udara dan untuk menggantikan perkhidmatan diimport yang berkaitan serta untuk memudahkan pengeksportan gas. Import barangan perantara yang merangkumi sebanyak 63.7% daripada

Carta 1.1 Petunjuk-Petunjuk Ekonomi Utama



1/ Pada akhir Mac, Jun, September dan Disember termasuk Perjanjian Pembelian Semula (Repos).
(kecuali bagi tahun 1997, iaitu pada akhir bulan Mac dan Julai)

2/ Malaysia (1990 - tahun asas)

keseluruhan import kasar dijangka berkurang lagi kepada 2.3% (1996: 3.6%), mencerminkan kesederhanaan dalam keseluruhan kegiatan-kegiatan ekonomi serta harga import yang stabil. Begitu juga bagi import barangan penggunaan, meliputi sebanyak 6.3% daripada jumlah import kasar, dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 4%, mencerminkan kesan pertumbuhan yang perlahan dalam pendapatan bolehguna, kemerosotan harga dalam pasaran ekuiti serta penangguhan perbelanjaan ekoran daripada kejatuhan nilai ringgit dalam separuh kedua tahun 1997. Perkara yang jelas ialah pengurangan yang ketara dalam kadar pertumbuhan import perkhidmatan bukan faktor kepada 9.4% dalam tahun 1997 berbanding pertumbuhan 16.9% pada tahun 1996. Keadaan ini mencerminkan kesan positif daripada usaha-usaha terdahulu untuk menggantikan perkhidmatan-perkhidmatan yang diimport seperti fret dan insurans, pengangkutan udara, pendidikan dan perkhidmatan-perkhidmatan pelaburan.

Memandangkan eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor melebihi daripada import sebanyak RM2,789 bilion dalam tahun 1997 (1996: RM2,555 bilion), **sektor luar negeri** dijangka memberi kesan pengembangan yang lebih besar ke atas KDNK nominal. Namun begitu, disebabkan peningkatan harga dan pengeluaran yang lebih sederhana, KDNK nominal dianggar meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 9.8% berbanding dengan 14.2% dalam tahun 1996. Setelah mengambilkira bayaran faktor bersih (terutamanya bayaran faedah dan penghantaran balik keuntungan dan dividen) sebanyak RM12.2 bilion dalam tahun 1997 (1996: RM11.9 bilion), KNK Malaysia, yang merupakan petunjuk pendapatan negara, dianggar meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 10.2% kepada RM262.2 bilion dalam harga semasa pada tahun 1997 (1996: 14.3%).

Imbangan Pembayaran

Memandangkan eksport dagangan dianggar berkembang pada kadar yang lebih perlahan (6.0%) berbanding dengan import (6.6%), **akaun dagangan** imbalan pembayaran dijangka mencatat lebihan yang lebih kecil dalam tahun 1997 iaitu RM9.7 bilion (1996: RM10.2 bilion). Sungguhpun begitu, kedudukan ini sebahagiannya diimbangi oleh jangkaan pengecilan saiz defisit dalam **akaun perkhidmatan** kepada RM19 bilion (1996: RM19.5 bilion). Defisit perkhidmatan yang

lebih kecil ini berpunca daripada terimaan bersih yang lebih tinggi daripada perkhidmatan perjalanan yang berjumlah RM5.1 bilion (1996: RM4.8 bilion), pengangkutan lain dan perkhidmatan berkaitan yang berjumlah RM2.4 bilion (1996: RM1.5 bilion). Bayaran bersih yang lebih kecil untuk fret dan insurans, dianggar sebanyak RM8.5 bilion (1996: RM8.52 bilion), turut menyumbang kepada jangkaan pengecilan defisit perkhidmatan dalam tahun 1997. Walau bagaimanapun, bayaran bersih untuk perkhidmatan-perkhidmatan lain dijangka lebih tinggi dengan perkhidmatan profesional dan kontrak, dan bayaran royalti dan francais dianggar sebanyak RM6.1 bilion manakala bayaran pendapatan pelaburan (bayaran faedah, keuntungan dan dividen) dianggar sebanyak RM12 bilion.

Selepas mengambilkira bayaran pindahan yang mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM3.7 bilion yang sebahagian besarnya berpunca daripada penghantaran wang keluar oleh pekerja-pekerja asing ke negara asal mereka, **akaun semasa** imbalan pembayaran dijangka mencatat defisit yang lebih besar sedikit kepada RM13.1 bilion dalam tahun 1997, berbanding sebanyak RM12.3 bilion dalam tahun 1996. Sungguhpun begitu, dari segi peratusan daripada KNK, defisit akaun semasa dijangka mengecil kepada 5% daripada KNK berbanding dengan 5.2% dalam tahun 1996.

Defisit akaun semasa di atas dijangka sebahagian besarnya dibiayai oleh aliran masuk bersih pelaburan langsung asing, berjumlah RM13.2 bilion. Jumlah ini mencerminkan kedudukan aliran masuk kasar pelaburan swasta jangka panjang sebanyak RM21.9 bilion (1996: RM19.4 bilion) dan pelaburan Malaysia di luar negara sebanyak RM8.7 bilion (1996: RM6.6 bilion). Selepas mengambilkira aliran masuk bersih modal rasmi jangka panjang sebanyak RM5.6 bilion, sebahagian besarnya diperolehi melalui penerbitan bon PABK di luar negara, **akaun asas** imbalan pembayaran dijangka mencatat lebihan sebanyak RM5.7 bilion. Walau bagaimanapun, jumlah aliran keluar bersih modal jangka pendek, termasuk kesilapan dan ketinggalan, dianggar sebanyak RM13.9 bilion, akibat daripada ketidaktentuan dalam pasaran kewangan yang mula dicetuskan daripada perkembangan di Thailand sejak pertengahan bulan Mei 1997. Oleh itu, **imbangan keseluruhan** bayaran dijangka mencatatkan defisit sebanyak RM8.2 bilion dalam tahun 1997. Akibatnya, jumlah rizab bersih luar negara yang

disimpan oleh Bank Negara Malaysia dijangka berkurangan daripada RM70 bilion (bersamaan dengan 4.6 bulan import tertangguh) pada akhir tahun 1996 kepada RM61.8 bilion (bersamaan dengan 3.8 bulan import tertangguh) pada akhir tahun 1997. Namun begitu, anggaran jumlah rizab pada akhir tahun 1997 akan menjadi lebih tinggi sekiranya keuntungan dari penilaian semula selepas mengambilkira kesan kejatuhan nilai ringgit.

Kedudukan Kewangan Sektor Awam

Kedudukan fiskal Kerajaan Persekutuan terus mantap dengan keseluruhan belanjawan dijangka mencatatkan lebihan bagi tahun kelima berturut-turut. **Hasil** kutipan Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat sebanyak 8.6% dalam tahun 1997 kepada RM63,275 juta, berpunca daripada kenaikan 10.5% dalam hasil cukai. Kutipan cukai langsung yang sebahagian besarnya termasuk cukai pendapatan dan duti setem dianggar meningkat sebanyak 14.4% manakala kutipan cukai tidak langsung yang merangkumi duti eksport dan duti import, duti eksais dan cukai jualan dianggar meningkat sebanyak 5.8%. **Perbelanjaan mengurus** sebaliknya dijangka meningkat pada kadar yang lebih rendah sebanyak 0.5% kepada RM44,069 juta, sebahagian besarnya disebabkan oleh pengurangan emolumen sebanyak 9.1% dan bayaran khidmat hutang sebanyak 4.9%. Dengan ini, **akaun semasa** dijangka mencatatkan lebihan yang lebih besar sebanyak RM19,206 juta atau 7.3% daripada KNK dalam tahun 1997 (1996: RM14,415 juta atau 6.1% dari KNK).

Perbelanjaan pembangunan kasar Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat sebanyak 7.9% kepada RM15,790 juta. Sebahagian besar peningkatan ini adalah untuk pembangunan sumber manusia negara dan untuk mempertingkatkan kemudahan infrastruktur serta untuk pembangunan desa. Selepas mengambilkira terimaan balik pinjaman sebanyak RM1,650 juta, perbelanjaan pembangunan bersih dianggar berjumlah RM14,140 juta. Memandangkan bahawa lebihan akaun semasa yang dianggarkan dalam tahun 1997 lebih dari cukup untuk membiayai perbelanjaan pembangunan bersih, **kedudukan belanjawan keseluruhan** Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat lebihan yang lebih tinggi sebanyak RM5,066 juta atau 1.9% daripada KNK dalam tahun 1997 (1996: RM1,815 juta atau 0.8%

daripada KNK). Lebihan belanjawan keseluruhan yang dicapai oleh Kerajaan Persekutuan ini untuk selama lima tahun berturut-turut sejak 1993 mencerminkan ketegasan pendirian terhadap dasar fiskal berhemat yang telah diusahakan untuk memperkukuhkan kestabilan makroekonomi.

Dari segi kedudukan kewangan **sektor kerajaan** yang meliputi kerajaan-kerajaan persekutuan, negeri dan tempatan serta badan-badan berkanun, kutipan hasil dijangka meningkat sebanyak 8.1% kepada RM75,559 juta, manakala perbelanjaan mengurus dijangka meningkat sedikit 1.3% kepada RM50,692 juta. Lantaran itu, lebihan semasanya dianggar sebanyak RM24,867 juta, merupakan 25.2% lebih besar daripada catatan lebihan sebanyak RM19,863 juta dalam tahun 1996. Lebihan belanjawan mengurus **Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK)** juga dijangka lebih besar sebanyak RM22,483 juta (1996: RM20,416 juta), berikutan prestasi keuntungan yang menggalakkan. Perbelanjaan pembangunan sektor awam pula dijangka meningkat sebanyak 35.3% kepada RM41,921 juta. Kedudukan ini berpunca daripada perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi oleh PABK. Oleh itu, kedudukan kewangan keseluruhan sektor awam dijangka mencatatkan lebihan yang lebih kecil berjumlah RM5,429 juta atau 2.1% daripada KNK dalam tahun 1997 (1996: RM9,301 juta atau 3.9% daripada KNK).

Kedudukan Sumber Negara

Pertumbuhan dalam **tabungan negara kasar** dijangka berkurangan kepada 14% atau RM104.4 bilion pada tahun 1997 selepas meningkat dengan pesat sebanyak 24.8% pada tahun 1996, akibat daripada pertumbuhan KNK nominal yang lebih perlahan. Namun demikian, kadar tabungan negara dijangka meningkat daripada 38.5% daripada KNK pada tahun 1996 kepada 39.8% daripada KNK, hasil pertumbuhan penggunaan yang lebih perlahan. **Tabungan sektor swasta**, merupakan sebanyak 56.7% daripada tabungan negara, dijangka meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 11% (1996: 35.9%) kepada RM59.2 bilion (22.6% daripada KNK). Sungguhpun peningkatan ini mencerminkan kesan kesederhanaan dalam pertumbuhan pendapatan, ianya dipengaruhi secara positif oleh kadar faedah benar, kempen yang diterajui oleh Kerajaan untuk menggalakkan tabungan, keperluan untuk


menampung semula stok kekayaan akibat daripada kejatuhan harga saham yang ketara serta wujudnya pelbagai peluang pelaburan yang disediakan melalui penerbitan bon tanda aras Khazanah Nasional Holdings Bhd. bernilai RM1.0 bilion dan penggandaan had kebenaran melabur sehingga RM200,000 kepada Bumiputera dalam Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Bumiputera. Lebih kurang 26% atau RM15.5 bilion daripada tabungan sektor swasta dijangka dimobilisasikan melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dalam tahun 1997. Selaras dengan lebihan perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan dan PABK yang lebih besar, jumlah **tabungan sektor awam** dijangka meningkat sebanyak 18.2% kepada RM45.2 bilion, merupakan sebanyak 43.3% daripada tabungan negara kasar.

Kadar tabungan negara kasar Malaysia adalah tinggi mengikut piawai antarabangsa. Kadar tabungan yang tinggi ini merupakan satu cara untuk membolehkan Malaysia membiayai tahap pembentukan modal yang tinggi untuk mendorong pertumbuhan. Namun demikian, **pembentukan modal kasar** Malaysia, termasuk

pelaburan langsung asing, yang dianggar sebanyak 44.8% daripada KNK dalam tahun 1997 adalah melebihi anggaran kadar tabungan kasar negara sebanyak 5% daripada KNK. Jurang antara tabungan dan pelaburan ini adalah disebabkan oleh sektor swasta, dengan pelaburannya dianggar melebihi tabungan sebanyak 10% dalam tahun 1997. Tabungan sektor awam, sebaliknya, lebih tinggi daripada pelaburannya sebanyak 5% daripada KNK, mencerminkan pendirian dasar fiskal berhemat yang telah diusahakan selama ini. Selepas mengambilkira anggaran aliran masuk bersih modal pelaburan langsung korporat asing yang berjumlah RM13.2 bilion, jumlah sumber kewangan yang sedia ada ini yang meliputi kedua-dua tabungan negara dan modal pelaburan asing swasta jangka panjang dijangka mencukupi untuk membiayai pelaburan kasar sebanyak RM117.4 bilion yang dianggar dalam tahun 1997.

Perkembangan Kewangan dan Pertukaran Asing

Kadar pengembangan kewangan negara terus sederhana dalam tujuh bulan pertama 1997. Pertumbuhan dalam **agregat kewangan secara luas**, M3, berkurangan dari puncak kadar pertumbuhan tahunan 27.0% pada akhir bulan April 1996 kepada 22.7% pada akhir tahun 1996 dan 20.8% pada akhir Julai 1997. Namun demikian, pertumbuhan kewangan masih mantap apabila dibandingkan dengan pertumbuhan KNK nominal sebanyak 10.2% dalam tahun 1997. Pemberian pinjaman kepada sektor swasta yang meningkat sebanyak RM61.8 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 1997 (Januari-Julai 1996: RM41.3 bilion) terus menjadi pendorong kepada pertumbuhan kewangan. Jumlah pinjaman oleh sistem perbankan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 28.7% pada akhir Julai manakala deposit dalam sistem perbankan meningkat sebanyak 25.2%. Akibatnya, institusi-institusi perbankan mencatat jurang sumber sebanyak RM8.4 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 1997. Perkara yang merungsingkan ialah peningkatan pemberian pinjaman dalam sistem perbankan ini masih banyak disalurkan kepada sektor-sektor ekonomi yang kurang produktif. Memandangkan kepada pertumbuhan yang pesat dalam kegiatan kredit dan kewangan dan keperluan untuk membendung tekanan inflasi, pendirian dasar kewangan masih lagi menekankan ke arah yang ketat. Langkah-langkah awal untuk mengawal pemberian kredit



telah dikuatkuasakan mulai 1 April 1997 untuk membendung pemberian pinjaman bank kepada sektor hartanah serta untuk pembiayaan urus niaga saham.

Walaupun **kadar faedah** masih agak stabil pada awal tempoh tahun ini, kadarnya mula berubah-ubah akibat daripada ketidaktentuan dalam pasaran kewangan serantau yang telah dicetuskan oleh perkembangan di Thailand sejak pertengahan bulan Mei. Dalam tempoh empat bulan pertama 1997, kadar antara bank bagi tempoh 3-bulan telah diniagakan dalam lingkungan 7.34%-7.39%. Walau bagaimanapun, kadar antara bank bagi tempoh 3-bulan ini telah meningkat secara mendadak kepada 8.62% pada 16 Mei, kesan daripada tekanan spekulasi ke atas ringgit. Kadar antara bank seterusnya telah diubah ke paras yang lebih rendah dengan kadar bagi tempoh 3-bulan mencatatkan 7.51% pada akhir bulan Mei dan 7.50% pada akhir Jun apabila ringgit kembali pulih dan mudah tunai bertambah baik. Namun demikian, berikutan berlakunya kegiatan spekulasi yang berterusan, kadar antara bank telah meningkat dengan ketara secara menyeluruh pada 10 Julai dengan kadar bagi tempoh wang semalaman berada pada tahap 40% daripada 7.5% pada hari sebelumnya, manakala kadar antara bank bagi tempoh 3-bulan meningkat kepada 8.6% daripada 7.9%. Lantaran itu, purata kadar pemberian pinjaman asas (BLR) telah beranjak ke atas daripada 9.18% pada akhir tahun 1996 kepada 9.56% pada 15 Julai. Pada 31 Julai, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan yang mewajibkan institusi-institusi kewangan untuk menghadkan kadar pemberian pinjaman asas dalam bulan Ogos mengikut tahap bulan Julai. Seterusnya, pada 4 Ogos, langkah menghadkan urus niaga 'swap' tawaran ringgit berbentuk bukan perdagangan dengan pelanggan asing pada paras AS\$2 juta telah diperkenalkan. Langkah ini telah membantu mengembalikan semula kadar faedah berasaskan kepada kepentingan dalam negeri. Selanjutnya, kadar antara bank telah menurun dan sehingga pertengahan bulan Ogos, kadar faedah kembali menghampiri kepada tahap sebelum berlakunya ketidaktentuan yang keterlaluan dalam pasaran mata wang. Pada 30 September, kadar untuk wang semalaman ialah 7.07%, manakala kadar untuk tiga bulan ialah 8.04%.

Mengenai **pasaran pertukaran asing**, nilai ringgit telah meningkat berbanding dengan nilai komposit mata wang utama sebanyak 4.1% daripada akhir tahun 1996 kepada akhir bulan Mac 1997. Berbanding dolar Amerika Syarikat (AS\$), ringgit meningkat sebanyak 2.0% daripada AS\$1=RM2.5279 pada akhir tahun 1996 kepada AS\$1=RM2.4790 pada akhir Mac 1997, meskipun dolar Amerika Syarikat semakin kukuh berbanding dengan kebanyakan mata wang. Namun demikian, nilai ringgit mula menjadi lemah kepada AS\$1=RM2.5110 pada akhir bulan April disebabkan oleh kelemahan harga pasaran saham dan pengaliran keluar modal jangka pendek yang berkaitan. Sejak pertengahan bulan Mei, kedudukan ringgit dan juga lain-lain mata wang di rantau ini mula diserang dengan bertubi-tubi oleh spekulasi yang dicetus oleh perkembangan di Thailand. Akibatnya, nilai ringgit telah merosot dan ditutup pada tahap AS\$1=RM3.1975 pada 30 September 1997.

Inflasi

Kadar Inflasi, diukur mengikut kenaikan dalam **Indeks Harga Pengguna (IHP)**, berkurangan bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun 1997 kepada 2.6%, kadar yang terendah sejak tahun 1990, berbanding dengan 3.6% dalam tempoh yang sama pada tahun 1996. Faktor utama yang menyumbang kepada penurunan kadar inflasi ialah pertumbuhan permintaan dalam negeri yang sederhana, penghakisan kekayaan akibat daripada kejatuhan dalam harga saham, dasar fiskal yang berhemat serta dasar kewangan yang ketat. Penguatkuasaan langkah-langkah pentadbiran untuk menggalakkan amalan perniagaan yang sihat lagi adil dan kestabilan dalam harga-harga import hasil daripada penghapusan dan pengurangan dalam duti-duti import, khususnya makanan, dalam beberapa tahun kebelakangan ini serta kedudukan kadar inflasi yang rendah di kalangan negara-negara yang menjadi rakan niaga utama Malaysia juga telah membantu mengekalkan inflasi pada tahap yang rendah. Petunjuk yang mencerminkan harga-harga import yang stabil ialah peratusan kenaikan dalam Indeks Harga Pengeluaran untuk import sebanyak 0.9% bagi tempoh lapan bulan pertama 1997.

Peningkatan IHP yang lebih perlahan dalam tempoh sembilan bulan pertama 1997 adalah berpunca daripada peningkatan harga yang lebih rendah dalam semua kumpulan barangan pengguna utama, kecuali untuk perkhidmatan

perubatan dan kesihatan dan pelbagai barang dan perkhidmatan. IHP untuk makanan yang berwujud terbesar dalam keseluruhan bakul barangan IHP (34.9%) telah meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 4.3% dalam tempoh sembilan bulan pertama 1997 (Januari-September 1996: 5.7%). Di kalangan kumpulan makanan utama yang mencatatkan peningkatan harga pada kadar yang lebih rendah dalam tempoh sembilan bulan pertama 1997 ialah ikan (7.0%); beras, roti dan bijirin-bijirin yang lain (4.5%); dan buah-buahan dan sayur-sayuran (1.5%). Langkah mengadakan lebih banyak bekalan melalui pengimportan dan pengeluaran dalam negeri yang lebih tinggi telah membantu mengurangkan tekanan harga ke atas kumpulan makanan berkenaan. Kumpulan bukan makanan yang mencatatkan penurunan harga dalam tempoh tersebut ialah pakaian dan kasut (-0.6%) manakala IHP untuk perkhidmatan perubatan dan kesihatan mencatatkan kenaikan harga yang lebih tinggi iaitu pada kadar 3.7% berbanding 3.6% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Pada peringkat wilayah, IHP bagi Semenanjung Malaysia telah meningkat sebanyak 2.8% (Januari-September 1996: 3.9%) sementara indeks untuk Sabah telah meningkat sebanyak 2.1% (Januari-September 1996: 2.8%) dan Sarawak sebanyak 1.4% (Januari-September 1996: 2.2%).

Untuk keseluruhan tahun 1997, IHP mungkin meningkat pada kadar purata 3%, memandangkan negara perlu menokok bekalan stok untuk baki bulan-bulan terakhir tahun ini dengan mengimport pada harga yang lebih tinggi dari negara-negara yang nilai mata wang mereka sejak kebelakangan ini bertambah lebih kukuh daripada nilai ringgit. Sungguhpun demikian, harga import dari beberapa negara di rantau ini dijangka lebih rendah sekiranya nilai mata wang negara-negara itu terus kekal lemah berbanding dengan ringgit. Situasi ini berserta dengan tekanan permintaan sederhana berikutan pengubahsuaian ekonomi terhadap penyusutan ringgit dan kejatuhan harga saham sejak kebelakangan ini berserta dengan pelaksanaan dasar fiskal yang berhemat dan dasar kewangan yang ketat, seharusnya, boleh mengawal potensi tekanan inflasi yang berpunca daripada kenaikan harga import.

Pasaran Buruh

Pasaran buruh terus kekal ketat dalam tahun 1997. Bilangan peluang pekerjaan baru yang diwujudkan sepanjang tahun ini dianggarkan meningkat

sebanyak 2.8% kepada 229,500 pekerjaan. Bilangan peluang pekerjaan baru di dalam sektor ekonomi sekunder dan perkhidmatan dijangka meningkat sebanyak 4.3% untuk menyumbang sebanyak 84% daripada jumlah pekerjaan yang dijanakan sepanjang tahun ini. Bagaimanapun, bilangan peluang pekerjaan dalam sektor ekonomi utama dijangka merosot sebanyak 4.6%. Bilangan kemasukan pencari kerja tambahan dalam pasaran buruh dijangka meningkat sebanyak 1.4% kepada 235,200 orang. Kesannya, kadar pengangguran dianggarkan terus kekal pada kadar 2.5% daripada tenaga buruh dengan ekonomi terus beroperasi di bawah keadaan gunatenaga penuh. Sebagai mencerminkan kedudukan pasaran buruh yang ketat, bilangan jawatan kosong tidak diisi yang dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Rakyat dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 telah meningkat sebanyak 13.7% kepada 38,076 kekosongan berbanding dengan 33,483 kekosongan yang dilaporkan dalam tempoh yang sama tahun 1996.

Kedudukan pasaran buruh yang ketat telah memberi tekanan ke atas upah. Purata upah bulanan di dalam sektor perkilangan telah meningkat sebanyak 11.6% kepada RM1,209 di dalam nilai semasa bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 daripada RM1,083 bagi tempoh yang sama tahun 1996. Ini adalah lebih tinggi daripada peningkatan 10.8% dalam produktiviti buruh dalam tempoh yang sama. Memandangkan harga jualan barangan perkilangan yang lebih rendah akibat daripada persaingan sejagat, nilai jualan seorang pekerja hanya meningkat sebanyak 3.1%, satu kadar peningkatan yang jauh lebih rendah berbanding dengan kenaikan 11.6% dalam purata upah nominal. Dengan ini, kos buruh setiap RM100 jualan di dalam sektor perkilangan telah meningkat sebanyak 8.3% kepada RM6.92 dalam tempoh tujuh bulan pertama 1997 berbanding dengan RM6.39 dalam tempoh yang sama tahun 1996. Dalam nilai sebenar, upah purata telah meningkat sebanyak 20% daripada perspektif pengeluar sejajar dengan kejatuhan harga jualan barangan perkilangan sebanyak 7% bagi tempoh tujuh bulan pertama 1997. Kekurangan buruh serta kenaikan upah telah menyebabkan firma-firma perkilangan beralih kepada kaedah pemprosesan pengeluaran yang lebih berintensifkan modal dan menjimatkan buruh. Ini dicerminkan oleh kenaikan 127.5% dalam nisbah Pelaburan Modal Seorang Pekerja daripada

RM165,925 seorang pekerja dalam tahun 1990 kepada RM377,426 seorang pekerja dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berdasarkan projek-projek yang diluluskan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia dalam tempoh yang sama. Keperluan untuk semua sektor ekonomi mengoptimum dan mengurangkan penggunaan buruh secara pengubahsuaian yang strategik dan pelaksanaan proses kerja yang inovatif serta usaha-usaha untuk mempercepatkan lagi pembangunan sumber manusia adalah genting untuk memastikan pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti. Malaysia tidak seharusnya terus meningkatkan pergantungannya kepada buruh asing untuk menajakan pertumbuhan, memandangkan saiz buruh asing yang dianggarkan berjumlah 1.7 juta sudahpun terlalu besar berbanding dengan jumlah tenaga buruh negara sebanyak 8.6 juta. Jumlah buruh asing yang besar ini telah memberi tekanan penyediaan kemudahan sosial, menimbulkan masalah sosial dan selanjutnya mendorong kepada peningkatan aliran keluar pertukaran asing dalam bentuk peremitan oleh pekerja-pekerja asing ke negara asal mereka yang dianggarkan berjumlah RM5.25 bilion dalam tahun 1997.

Prospek Bagi Tahun 1998

Sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka, prestasi makroekonomi Malaysia amat dipengaruhi oleh perkembangan luar dan keupayaan ekonominya untuk menerima dan menyesuaikan diri dengan pantas kepada perkembangan-perkembangan ini. Dengan jumlah perdagangan dunia dijangka akan berkembang dengan sederhana pada kadar 6.8% (1997: 7.7%), di samping kebanyakan negara yang menjadi rakan dagang Malaysia dijangka mencatatkan kadar pertumbuhan yang sederhana, persaingan di peringkat pasaran global dan tempatan dijangka akan terus menjadi lebih sengit. Pada masa yang sama, peralihan aliran modal yang lebih besar akan berlaku yang dipengaruhi oleh potensi perubahan kadar pulangan dan risiko pelaburan relatif di kalangan negara-negara. Di bawah senario ini, prestasi ekonomi Malaysia akan lebih bergantung kepada kebolehannya sendiri untuk bersaing di peringkat pasaran antarabangsa bukan sahaja dari segi perdagangan barangan dan perkhidmatan tetapi juga untuk menarik kemasukan pengaliran modal. Sehubungan dengan ini, usaha-usaha yang lebih gigih diperlukan untuk

mengerakkan Malaysia ke arah tahap persaingan yang lebih tinggi pada peringkat perdagangan antarabangsa serta juga sebagai pusat pelaburan.

Dari segi ekonomi dalam negeri, isu-isu berkaitan dengan pergantungan keterlaluan kegiatan ekonomi tempatan ke atas import, kekurangan rangkaian di antara industri-industri, kelemahan struktur dalam sektor perkhidmatan dan kadar pelaburan dalam negeri yang tinggi, terutamanya pelaburan dalam sektor bukan dagangan yang mempunyai tempoh gestasi yang lama, akan diberi perhatian untuk menambahbaikkan lagi kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran. Keputusan kerajaan baru-baru ini untuk menangguh pelaksanaan beberapa projek besar, mengkaji semula pembelian barang-barang luar negeri yang besar oleh agensi-agensi kerajaan dan pemotongan dalam perbelanjaan kerajaan adalah merupakan usaha-usaha yang berterusan untuk memperkukuhkan lagi kedudukan imbalan pembayaran. Selaras dengan usaha-usaha ini, langkah untuk mempertingkatkan tabungan akan terus digalakkan lagi secara gigih untuk mengurangkan pergantungan negara kepada sumber-sumber luar, terutamanya dengan menggunakan pinjaman sebagai sumber untuk membiayai pertumbuhan. Dalam konteks ini, usaha untuk menghasilkan lebihan fiskal yang lebih besar akan disasar untuk tahun 1998 sementara pasaran modal akan diperkukuhkan lagi, termasuk mewujudkan pasaran bon yang mudah ditunaikan bagi menyediakan peluang pelaburan yang lebih pelbagai untuk penyimpan dan pengurus dana serta membolehkan sektor swasta memperoleh modal dengan kos yang lebih berpatutan. Untuk menggalakkan tabungan dan mengekalkan kestabilan dalam pasaran kewangan dan harga dalam negeri, pendirian dasar kewangan yang ketat akan terus dikekalkan. Semua usaha-usaha ini seharusnya menyumbang ke arah memperkukuhkan kedudukan sumber dan imbalan pembayaran Malaysia serta mengawal kestabilan harga dalam tahun 1998. Berasaskan senario ini, ekonomi negara dijangka berkembang pada kadar yang sederhana iaitu 7% dari segi **KDNK sebenar**. Berikutan pertumbuhan sektor ekonomi sebenar yang sederhana serta jangkaan peningkatan harga pada kadar yang rendah, KNK, sebagai petunjuk pendapatan negara, dijangka akan meningkat sebanyak 8.3% dalam harga semasa pada tahun 1998. Oleh yang demikian, **pendapatan per kapita** dijangka akan meningkat sebanyak 5.7% kepada RM12,797.

Prestasi Mengikut Sektor

Pertumbuhan pengeluaran sektor ekonomi sebenar yang sederhana pada kadar 7% dalam tahun 1998, sebahagian besarnya mencerminkan kesan pengembangan yang sederhana dalam jumlah perdagangan dunia serta pertumbuhan pendapatan dan permintaan dalam negeri yang lebih perlahan di samping pengeluaran sektor pertanian yang berkurang secara ketara daripada pertambahan sebanyak 3.5% dalam tahun 1997 kepada kemerosotan 1.2%. Selain daripada itu, jangkaan ini mengambilkira keputusan penangguhan beberapa pojek besar, pemotongan dalam perbelanjaan kerajaan dan pendirian yang lebih berhati-hati oleh pemaju-pemaju terhadap potensi ketidakseimbangan dalam penawaran dan permintaan dalam beberapa sektor kecil hartanah. Sebaliknya, langkah-langkah yang telah dan akan diusahakan untuk mempertingkatkan tahap kapasiti pengeluaran, terutamanya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, khasnya sektor kecil pengangkutan, serta pengeluaran petroleum mentah yang sederhana tinggi, menganjurkan Sukan Komanwel dan mempertingkatkan pengeluaran tempatan untuk menggantikan import serta mencergaskan eksport dijangka akan menimbabalik sebahagian daripada faktor-faktor pertumbuhan yang dijangka akan terjejas dalam tahun 1998.

Pertumbuhan pengeluaran **sektor perkilangan** dijangka terus kukuh tetapi pada kadar yang lebih rendah iaitu 10.5%. Industri-industri yang dijangka menjadi pendorong utama kepada pertumbuhan ialah industri-industri yang menghasilkan semikonduktor, plastik, kimia dan tekstil tiruan berpunca daripada peningkatan kapasiti dan permintaan pasaran luar dan tempatan yang stabil. Pengeluaran industri berorientasikan pasaran dalam negeri dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih rendah sebanyak 10.4% (1997: 13.7%), sebahagian besarnya disebabkan oleh pertumbuhan pengeluaran yang lebih perlahan dalam industri-industri yang mengeluarkan bahan-bahan pembinaan seperti keluaran galian bukan logam dan kaca serta besi dan keluli. Industri-industri berorientasikan pasaran dalam negeri yang akan menerima faedah daripada pengumuman dasar baru-baru ini untuk mengurangkan dan mengganti import adalah yang berkaitan dengan kerja-kerja pembaikan semula ke atas kelengkapan berat dan kerja-kerja memfabrikasikan keluaran logam untuk kegunaan projek-projek infrastruktur yang diswastakan. Langkah menganjurkan Sukan

Komanwel dijangka akan menjanakan tahap permintaan yang lebih tinggi dan seterusnya akan mempertingkatkan pengeluaran dalam industri-industri yang mengeluarkan makanan dan minuman serta cenderamata. Meskipun pertumbuhan pengeluaran industri berorientasikan pasaran eksport dijangka mendapat faedah daripada peningkatan tahap kapasiti pengeluaran, terutamanya dalam industri semikonduktor yang dijangka hampir mengekalkan tahap 10.6% pada tahun 1997, pertumbuhan pengeluaran beberapa industri berkenaan dijangka akan terjejas akibat daripada persaingan global yang sengit dan wujudnya lebih kapasiti pengeluaran di seluruh dunia, seperti industri-industri yang menghasilkan keluaran barangan elektrik pengguna termasuk radio dan televisyen. Penjejasan pengeluaran ini juga disebabkan oleh pemindahan semula operasi beberapa industri berintensif buruh ke negara-negara yang mempunyai lebih tenaga buruh, seperti industri yang mengeluarkan pakaian. Dengan sektor perkilangan dijangka berkembang pada kadar yang melebihi sektor-sektor ekonomi lain, sumbangannya kepada KDNK dijangka meningkat kepada 36.6% dalam tahun 1998.

Permulaan **pembinaan** dijangka menjadi perlahan dalam tahun 1998 dengan pemaju-pemaju dijangka mula berhati-hati terhadap potensi kadar pembelian yang lebih rendah bagi ruang pejabat, kondominium berharga tinggi dan ruang runcit di kompleks-kompleks membeli-belah apabila terdapat tambahan baru dari segi penawaran. Namun begitu, penyediaan kerja-kerja pembinaan seperti penyediaan kemudahan sukan dan infrastruktur yang berkaitan dengan Sukan Komanwel dan fasa pertama Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur serta langkah penangguhan beberapa projek besar seperti Lapangan Terbang Utara, Lebuhraya Pergunungan, Bandar Linear, Projek Hidro-Elektrik Bakun dan langkah memanjangkan lagi tempoh pelaksanaan projek Putrajaya merupakan beberapa faktor yang dijangka akan memperlahankan tahap kegiatan sektor pembinaan. Sungguhpun demikian, kerja-kerja pembinaan hartanah kediaman bertingkat rendah, apartmen berharga rendah dan kilang-kilang yang dijangka terus mengalami permintaan yang kukuh dan kerja-kerja pembinaan berkaitan dengan projek-projek infrastruktur seperti laluan keretapi antara KLIA dan pusat bandar, Koridor Raya Multimedia, Lebuhraya Pantai Timur, Lebuhraya bertingkat Kuala Lumpur, merupakan usaha-usaha yang dijangka akan menyumbang

kepada peningkatan nilai ditambah sektor pembinaan pada kadar 9% dalam tahun 1998 (1997: 11%).

Selepas mencatatkan pertumbuhan pengeluaran yang agak kukuh sebanyak 3.5% dalam tahun 1997, pengeluaran **sektor pertanian** dijangka merosot sebanyak 1.2% pada tahun 1998. Jangkaan pengurangan pengeluaran ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pengeluaran yang lebih rendah bagi minyak kelapa sawit, getah dan kayu balak. Berdasarkan kepada gelagat kitaran tanaman empat tahun yang menunjukkan aliran peningkatan pengeluaran sejak tahun 1994, pengeluaran minyak kelapa sawit dijangka mengalami kemerosotan pada tahun 1998 akibat daripada potensi musim lawas setelah mencatatkan pengeluaran yang tinggi selama empat tahun kebelakangan ini. Pengeluaran getah juga dijangka akan merosot berpunca daripada prospek harga yang lemah dan kegiatan penukaran tanah getah yang berterusan untuk kegunaan-kegunaan lain. Jangkaan harga getah yang semakin lemah ini adalah disebabkan oleh ramalan penawaran getah asli yang terlalu banyak berbanding dengan penggunaan serta prospek penjualan semula simpanan stok getah asli oleh Thailand. Pengeluaran kayu balak dijangka berkurangan selaras dengan hasrat untuk melaksanakan program pengurusan perhutanan yang lestari. Sebaliknya, pengeluaran koko, lada hitam dan perikanan dijangka mencatatkan pertumbuhan yang sederhana oleh kerana lebih banyak kawasan tuaian tanaman akan dikerjakan dan penangkapan ikan meningkat berikutan perkembangan harga yang menggalakkan dan penyediaan bantuan kewangan oleh Kerajaan kepada nelayan untuk membeli peralatan yang lebih baik.

Dalam **sektor perlombongan**, pengeluarannya dijangka meningkat agak tinggi sedikit pada kadar 3.8% pada tahun 1998 (1997: 2.8%) disebabkan oleh kenaikan 2.8% dalam pengeluaran petroleum mentah kepada 740,800 tsh. Pertumbuhan pengeluaran gas dan kuari dijangka lebih sederhana sebanyak 8%, kesan daripada pertumbuhan permintaan yang perlahan, manakala pengeluaran timah dijangka merosot disebabkan oleh kos pengeluaran yang semakin tinggi.

Selaras dengan prestasi sektor ekonomi utama dan sekunder yang sederhana tahap pertumbuhannya, nilai ditambah dalam **sektor perkhidmatan** dijangka meningkat perlahan sedikit

pada kadar 8.6% (1997: 8.7%). Industri perkhidmatan yang dijangka akan mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan ialah sektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan dan sektor perkhidmatan utiliti, yang sebahagiannya turut mencerminkan kesederhanaan dalam tahap peningkatan pemberian pinjaman bank serta kegiatan dalam sektor pembinaan dan perkilangan. Walau bagaimanapun, tahap nilai ditambah dalam sektor kecil pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan dijangka mencatatkan pertumbuhan yang agak kukuh, berpunca daripada peningkatan tahap kapasiti industri pengangkutan udara dan perkapalan selaras dengan langkah pembelian kapal terbang dan kapal sejak kebelakangan ini, khususnya oleh MAS dan MISC, serta langkah pembesaran rangkaian sistem pengangkutan keretapi. Sektor kecil ini dijangka mendapat faedah daripada penganjuran Sukan Komanwel pada bulan September 1998 dari segi peningkatan aliran pengangkutan trafik dan perhubungan. Begitu juga bagi sektor kecil perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran dijangka mencatatkan pertumbuhan nilai ditambah yang lebih tinggi. Dengan nilai ditambah sektor perkhidmatan meningkat pada tahap yang lebih pantas daripada kadar pertumbuhan purata ekonomi, maka sumbangannya kepada KDNK diramalkan meningkat kepada 45.7%.

Permintaan Dalam Negeri

Agregat **permintaan dalam negeri** (tidak termasuk perubahan inventori) dijangka meningkat dengan lebih perlahan pada kadar 6.9% kepada RM290.2 bilion dalam harga semasa. Peningkatan yang lebih perlahan dalam perbelanjaan permintaan dalam negeri ini disebabkan oleh pembendungan perbelanjaan sektor awam. **Perbelanjaan sektor swasta** dijangka kekal meningkat pada kadar 8.9%, dengan perbelanjaan modal sektor swasta yang meningkat sebanyak 8%. **Penggunaan sektor swasta**, khasnya sektor isi rumah, dijangka bertambah pada kadar 9.5% dalam harga semasa berbanding dengan yang dicatatkan pertumbuhan yang perlahan sebanyak 6.9% dalam tahun 1997. Perbelanjaan penggunaan swasta ini meningkat disebabkan oleh pendapatan eksport yang lebih kukuh, jangkaan pemulihan kembali harga saham yang telah menjunam ke tahap rekod yang terendah dan menjejaskan perbelanjaan penggunaan swasta dalam tahun 1997, di samping pertumbuhan

penduduk biasa. Sungguhpun demikian, jangkaan kadar peningkatan dalam penggunaan swasta bagi tahun 1998 ini masih lagi rendah berbanding dengan catatan kadar purata peningkatan 11.2% dalam tempoh tahun 1993-1996 bilamana tahap pertumbuhan pendapatan per kapita lebih mantap.

Perbelanjaan modal sektor swasta dijangka meningkat dengan lebih perlahan disebabkan terutamanya oleh pengurangan pertumbuhan pelaburan dalam sektor perkilangan dan pembinaan. Jangkaan peningkatan yang lebih perlahan dalam pembentukan modal sektor perkilangan ini berpunca daripada langkah pembesaran kapasiti pengeluaran yang telah dilakukan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pesanan jualan yang lebih rendah terutamanya, keluaran barangan elektrik pengguna akibat persaingan sengit serta prospek kegiatan sektor pembinaan yang lebih perlahan. Petunjuk yang mencerminkan potensi pembentukan modal sektor perkilangan yang lebih rendah dalam tahun 1998 ialah kejatuhan 19.8% dalam cadangan pelaburan modal bagi projek perkilangan yang diluluskan oleh MIDA dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Pelaburan sektor pembinaan dijangka akan terjejas oleh prospek lebih penawaran ruang pejabat dan kondominium serta ruang runcit di kompleks-kompleks membeli-belah. Langkah penangguhan pelaksanaan beberapa projek mega juga akan memperlambatkan kegiatan pembentukan modal dalam sektor pembinaan. Pelaburan sektor swasta dalam sektor pengangkutan dijangka dapat dikekalkan berasaskan kepada pertambahan pelaburan oleh MAS, berjumlah RM2.5 bilion, melalui pembelian sembilan buah kapal terbang. Kadar pertumbuhan pelaburan sektor petroleum dan gas dijangka berkurangan. Pelaburan dalam kegiatan hulu yang dirancang oleh tiga buah syarikat petroleum swasta dijangka meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 30.5% (1997: 283.1%) kepada RM0.9 bilion dan bagi kegiatan hiliran pada kadar 79.7% kepada RM0.8 bilion. Dengan mengambil kira pelaburan yang dilakukan oleh Petronas, kegiatan pelaburan hulu dijangka meningkat sebanyak 26.5% kepada RM7.9 bilion dan bagi kegiatan hiliran sebanyak 19.0% kepada RM5.8 bilion dalam tahun 1998.

Peningkatan **perbelanjaan sektor awam** dijangka dibendung pada kadar 0.5% dalam harga semasa kepada RM63.7 bilion, disebabkan dasar fiskal Kerajaan Persekutuan untuk mencapai

lebih belanjawan yang lebih besar dalam tahun 1998 serta peningkatan sederhana perbelanjaan modal oleh PABK. Pertumbuhan dalam penggunaan awam dianggarkan berkurangan dengan ketara dalam tahun 1998 kepada 2.6%, dengan peningkatan emolumen dibendung pada kadar 3% dan bekalan dan perkhidmatan dihadkan pada 3.7%. Perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan ini sebahagian besarnya adalah untuk memenuhi penyelenggaraan bangunan dan kerja-kerja pembaikan, bayaran sewa dan kemudahan serta memperbaiki perkhidmatan awam keseluruhannya.

Pelaburan sektor awam dijangka merosot sebanyak 1.6% pada harga semasa dalam tahun 1998 kepada RM31.5 bilion. Ini adalah berpunca daripada PABK yang dijangka mengurangkan perbelanjaan modal mereka dalam negara daripada RM16.6 bilion dalam tahun 1997 kepada RM15.7 bilion. Pertumbuhan yang lebih perlahan dalam perbelanjaan modal PABK sebahagiannya mencerminkan siapnya fasa satu projek KLIA. Oleh yang demikian, sumbangan perbelanjaan modal PABK kepada jumlah pelaburan awam dijangkakan merosot kepada 49.8% daripada 51.7% dalam tahun 1997. Pelaburan oleh Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat 12.1% kepada RM8.6 bilion, sebahagian besarnya untuk membangunkan kemudahan infrastruktur asas, sumber manusia, perkhidmatan kesihatan dan kemudahan luar bandar dan pertanian. Bagaimanapun, pelaburan yang akan dilakukan oleh agensi-agensi Kerajaan lain dijangka merosot sebanyak 7.2% kepada RM7.2 bilion.

Permintaan Luar Negeri

Sektor luar dijangka akan memberi galakan yang lebih besar kepada pertumbuhan ekonomi dalam tahun 1998, berikutan daripada eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor dijangka melebihi import barangan dan perkhidmatan bukan faktor sebanyak RM6,465 juta, berbanding lebihan yang kecil sebanyak RM2,789 juta dalam tahun 1997.

Eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor dijangka mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 9.1% kepada RM268.6 bilion, didorong oleh pemulihan dalam eksport barangan pembuatan dan kadar peningkatan tinggi dalam pendapatan eksport perkhidmatan. **Eksport**

dagangan dijangka merekodkan pertumbuhan yang lebih baik pada kadar 7.5% berbanding 6.0% yang dicatatkan dalam tahun 1997, dengan eksport barangan perkilangan meningkat 9.5% berpunca daripada jumlah eksport yang kian meningkat dan harga jualan yang dijangka stabil. Bagaimanapun, eksport komoditi utama dijangka merosot 2.9%, sebahagian besarnya berikutan daripada eksport keluaran pertanian yang dijangka merosot 5.0% akibat daripada pengeluaran yang berkurang serta kemerosotan ketara dalam pertumbuhan pendapatan eksport gas asli cecair daripada 45.9% dalam tahun 1997 kepada 1.6%. Eksport petroleum mentah juga dijangka merosot sebanyak 0.4% disebabkan oleh jangkaan harga eksport yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, **eksport perkhidmatan bukan faktor** dijangka akan meningkat 14.4% berpunca daripada pertumbuhan yang kukuh eksport perkhidmatan dalam pengangkutan udara, pelancungan, fret dan insurans serta perkhidmatan profesional dan kontrak.

Import barangan dan perkhidmatan bukan faktor dijangka meningkat dengan kadar yang lebih tinggi sedikit iaitu 7.7% kepada RM262.2 bilion dalam tahun 1998. Kesan daripada usaha gigih untuk membendung pertumbuhan import, terutamanya melalui penangguhan beberapa projek mega dan langkah-langkah untuk mengurangkan penggantungan kepada import, di samping mengambil kira harga import yang dijangka naik akibat daripada kejatuhan nilai ringgit baru-baru ini, pertumbuhan **import dagangan** dijangkakan meningkat sedikit daripada 6.6% dalam tahun 1997 kepada 7.3%. Pertumbuhan import barangan modal dijangka perlahan pada kadar 12.4% (1997: 19.8%). Namun begitu, import barangan berat dijangka kekal tinggi disebabkan oleh import kapal terbang oleh Penerbangan Malaysia (MAS) yang lebih tinggi. Pertumbuhan import barang perantara dijangka meningkat sedikit pada kadar 7.4% disebabkan harga import berkenaan yang lebih tinggi, bersamaan dengan pengurangan jumlah barangan yang diimport berikutan daripada pertumbuhan keluaran yang lebih perlahan dalam industri berorientasikan pasaran dalam negeri serta kegiatan permulaan pembinaan yang lebih perlahan. Begitu juga, import barangan penggunaan dijangka meningkat sebanyak 5.7% disebabkan permintaan penggunaan swasta. Walau bagaimanapun, import barangan mewah terutamanya kereta dijangka merosot, sebahagian besarnya berpunca daripada pengurangan

penggunaan barangan import ini oleh agensi Kerajaan. Kadar peningkatan dalam **import perkhidmatan bukan faktor** dijangka perlahan sedikit kepada 9.3% (1997: 9.4%), akibat dari kesan penggantian import, berikutan peningkatan perkhidmatan perkapalan dalam negeri, pengangkutan udara dan keupayaan pendidikan serta bayaran untuk perkhidmatan profesional dan kontrak yang lebih perlahan.

Imbangan Pembayaran

Dengan eksport dagangan dijangka meningkat 7.5% kepada RM220.1 bilion, sementara import dagangan sebanyak 7.3% kepada RM209.2 bilion, **akaun dagangan** dijangka mencatatkan lebihan yang lebih tinggi iaitu RM10.9 bilion, berbanding RM9.7 bilion dalam tahun 1997. Pada masa yang sama, **akaun perkhidmatan** dijangka mencatatkan defisit yang lebih kecil berjumlah RM18.4 bilion, berbanding anggaran defisit sebanyak RM19 bilion dalam tahun 1997. Jangkaan defisit yang lebih kecil ini adalah berpunca daripada lebihan yang lebih besar sebanyak RM6.2 bilion dicatatkan dalam akaun perjalanan dan RM3.5 bilion dalam akaun pengangkutan lain yang sebahagian besarnya adalah perkhidmatan pengangkutan udara. Bagaimanapun, lebihan ini dijangkakan akan dihapuskan oleh bayaran bersih pendapatan pelaburan yang lebih besar (RM12.7 bilion), perkhidmatan fret dan insurans (RM8.6 bilion) dan perkhidmatan lain meliputi perkhidmatan profesional dan kontrak dan bayaran francais dan royalti (RM6.7 bilion). Selepas mengambilkira defisit pindahan bersih sebanyak RM3.8 bilion, sebahagian besarnya disebabkan oleh pindahan pendapatan oleh buruh asing ke negara asal mereka, **akaun semasa** dianggar mencatatkan defisit yang lebih kecil sebanyak RM11.3 bilion. Sebagai peratusan daripada GNP, defisit akaun semasa dijangka berkurangan daripada 5% daripada KNK dalam tahun 1997 kepada 4% daripada KNK dalam tahun 1998.

Kedudukan Kewangan Sektor Awam

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dijangka akan lebih kukuh dalam tahun 1998. **Hasil Kerajaan Persekutuan** dijangka meningkat

sebanyak 7.6% kepada RM68.1 bilion berpunca daripada terimaan yang lebih tinggi daripada cukai langsung dan tidak langsung. **Perbelanjaan mengurus** dijangka merosot sebanyak 3% kepada RM42.8 bilion. Yang paling ketara ialah pengurangan 6.5% dalam bayaran khidmat hutang oleh Kerajaan Persekutuan kepada RM6.2 bilion. Bayaran faedah pinjaman luar negeri dijangka berkurangan sebanyak 12.8% kepada RM0.5 bilion ekoran daripada jumlah hutang luar negara yang berkurangan, sementara bayaran faedah ke atas hutang dalam negeri juga dijangka berkurangan sebanyak 3.8% kepada RM5.7 bilion. Peruntukan emolumen dijangka merosot 0.4% kepada RM14.7 bilion. Selepas mengambilkira terimaan balik pinjaman berjumlah RM1,650 juta, perbelanjaan pembangunan bersih dalam tahun 1998 dijangka meningkat 15.6% kepada RM16.3 bilion. Oleh itu, **baki keseluruhan** Kerajaan Persekutuan dijangka mencatatkan lebihan yang lebih besar iaitu RM8,951 juta atau 3.2% daripada KNK.

Kedudukan kewangan keseluruhan sektor awam disatukan juga dijangka semakin baik dalam tahun 1998. Hasil sektor kerajaan dijangka meningkat sebanyak 7.2% sementara perbelanjaan mengurus dijangka merosot sebanyak 3.3%. Oleh itu, lebihan akaun semasa sektor kerajaan dijangka meningkat 28.5% kepada RM31.9 bilion (1997: RM24.9 bilion). Begitu juga, PABK dijangka mengekalkan lebihan mengurus berjumlah RM23.5 bilion dalam tahun 1998 (1997: RM22.5 bilion). Oleh yang demikian, akaun semasa sektor awam disatukan dianggar mencatatkan lebihan yang lebih besar sebanyak RM55.4 bilion dalam tahun 1998 (1997: RM47.4 bilion). Jumlah perbelanjaan pembangunan sektor awam dalam tahun 1998 dijangka meningkat sebanyak 6.5% kepada RM44.7 bilion, sebahagian besarnya berpunca daripada perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang lebih besar. Perbelanjaan modal oleh PABK, termasuk pelaburan di luar negara, dijangka meningkat 2.6% (1997: meningkat 49.9%) kepada RM23.3 bilion. Pada keseluruhannya, akaun kewangan sektor awam disatukan dianggar mencatatkan lebihan keseluruhan yang lebih besar sebanyak RM10.8 bilion atau 3.8% dari KNK (1997: RM5.4 bilion atau 2.1%).

Kedudukan Sumber Negara

Tabungan negara kasar dijangka meningkat pada kadar yang lebih rendah iaitu 8.6% kepada RM113.4 bilion dalam tahun 1998 (1997: 14%),

berikutan daripada pertumbuhan KNK yang lebih rendah. Bagaimanapun, sebagai peratusan daripada KNK, ianya dianggarkan meningkat kepada 39.9%. Kadar tabungan yang lebih tinggi mencerminkan sebahagiannya kesan daripada dasar fiskal berdisiplin, dasar kewangan yang ketat serta usaha Kerajaan untuk meningkatkan tabungan melalui peningkatan sekali ganda had bumiputera dibenarkan melabur dalam Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Bumiputera kepada RM200,000. Tabungan sektor awam dijangka meningkat sebanyak 14.7% kepada RM51.8 bilion atau 45.7% daripada tabungan negara kasar sementara tabungan sektor swasta dijangkakan meningkat 4% kepada RM61.5 bilion.

Walaupun kadar tabungan kasar negara dijangka tidak mencukupi untuk membiayai pelaburan sebanyak RM124.7 bilion yang dijangka akan dilabur oleh pelabur-pelabur dalam dan luar negeri, jurang tabungan pelaburan sebanyak 4% daripada KNK dijangka dapat dibiayai sepenuhnya oleh aliran masuk bersih modal pelaburan langsung korporat asing. Jurang sumber yang dijangka sebanyak RM11.3 bilion adalah berpunca daripada pelaburan sektor swasta melebihi tabungannya sebanyak RM31.3 bilion dan jurang ini dijangka dibiayai sepenuhnya oleh aliran masuk bersih modal swasta jangka panjang serta lebihan dana daripada sektor awam yang disalurkan melalui institusi kewangan. Sektor awam dijangka mencatatkan lebihan sumber, dengan tabungan dijangka melebihi pelaburan dengan sebanyak RM20 bilion atau 7% daripada KNK.

Inflasi

Dengan permintaan dalam negeri yang dijangka meningkat dengan lebih perlahan serta pengamalan dasar fiskal berdisiplin dan dasar kewangan yang ketat, **inflasi** dijangka kekal rendah. Kemerosotan nilai ringgit dijangka tidak akan meningkatkan harga import dengan ketara. Ini adalah kerana pertumbuhan yang lebih perlahan dalam jumlah perdagangan dunia berbanding dengan pengeluaran yang dijangka kekal meningkat. Ini akan memaksa pengeluar di seluruh dunia untuk menurunkan harga supaya dapat menguasai pasaran yang lebih besar, seperti yang telah berlaku baru-baru ini dalam penurunan harga bagi keluaran barangan elektrik dan elektronik. Usaha yang lebih bersungguh-sungguh untuk mendapatkan barangan import daripada sumber

yang lebih murah serta mengeluarkan sendiri barang ganti import untuk mengurangkan kesan kejatuhan nilai ringgit juga akan membendung inflasi yang diimport.

Kesimpulan

Tahun 1997 merupakan tahun yang penuh dengan peristiwa, terutamanya ketidaktentuan dalam pasaran kewangan akibat daripada perkembangan-perkembangan di Thailand. Walaupun pasaran kewangan dan ekuiti telah mengalami ketidakstabilan, asas ekonomi negara masih kekal kukuh. Defisit akaun semasa imbalan pembayaran dijangka berkurangan dari segi peratusan kepada KNK. Imbalan asas dijangka terus berada dalam lebihan. Perbelanjaan pembentukan modal oleh pelabur tempatan dan asing dapat dibiayai sepenuhnya melalui tabungan dalam negeri, keuntungan yang simpan serta dana

baru daripada pelabur asing dalam sektor ekonomi sebenar. Kedudukan belanjawan keseluruhan Kerajaan Persekutuan juga terus berada dalam lebihan. Selain daripada itu, usaha-usaha yang lebih gigih akan dilakukan untuk memperkukuhkan lagi asas-asas ekonomi negara. Langkah pengubahsuaian perlu juga dibuat untuk mengurangkan kesan negatif daripada kelemahan ringgit yang ketara, terutamanya ke atas import, sementara tabungan perlu ditingkatkan untuk memperkukuhkan ketahanan ekonomi daripada kejutan luar. Pada masa yang sama, pasaran hutang sekuriti swasta akan terus dibangun untuk mempelbagaikan pasaran modal supaya pihak sektor swasta dapat memperoleh sumber pembiayaan dana alternatif pada kos yang munasabah. Langkah-langkah pengubah-suaian ini telah dibuat melalui kenyataan dasar baru-baru ini. Selain daripada itu, dengan langkah-langkah baru yang akan diumumkan melalui Belanjawan 1998, adalah dijangka asas-asas ekonomi akan bertambah kukuh.